

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

1. Apakah status terkini Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya Fasa 2 yang melibatkan pembinaan parit monsun *bypass* di Jalan Thamby Kecil yang telah tergendala disebabkan terdapatnya kabel dan paip-paip utiliti di sepanjang jajaran tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya (Fasa 2) yang melibatkan pembinaan parit monsun *bypass* di Jalan Thamby Kecil telah melalui pindaan reka bentuk oleh perunding dengan mengambil kira cadangan pembinaan rumah pam. Pindaan reka bentuk tersebut kini sedang menunggu kelulusan dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Projek ini dijangka akan dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

2. Apakah dapatan hasil kajian berhubung cadangan untuk menaik taraf perparitan di Taman Lucky, Butterworth?
- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang akan digunakan melalui Akaun Amanah Caruman Perparitan bagi membiayai projek tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Dapatan hasil kajian berhubung cadangan untuk menaik taraf sistem perparitan di Taman Lucky, Butterworth menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti di kawasan tersebut. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempunyai perancangan untuk menaik taraf parit sedia ada kepada saiz yang bersesuaian tertakluk kepada pelan pengukuran aras yang bakal disediakan kelak.
- (a) Jumlah peruntukan yang akan digunakan melalui Akaun Amanah Caruman Perparitan bagi membiayai projek tersebut adalah RM978,000.00 dengan perinciannya seperti berikut:

BIL.	SKOP KERJA	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti	48,000.00
2.	Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan	930,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		978,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

3. Berapakah jumlah aduan kecurian kabel Telekom Malaysia (TM) yang dilaporkan berlaku di sekitar kawasan DUN Sungai Puyu sejak Januari hingga 31 Oktober 2024?
 - (a) Apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil bagi mengatasi isu kecurian kabel yang semakin berleluasa sehingga mendatangkan bahaya kepada pengguna apabila *manhole* di tengah jalan dibiarkan terbuka?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Sehingga bulan Oktober 2024, sebanyak enam (6) kes kecurian kabel telah dilaporkan di kawasan Butterworth.
 - (a) Telekom Malaysia (TM) sentiasa berusaha dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan keselamatan kabel TM sentiasa terjaga. Justeru, TM telah mengambil beberapa langkah seperti bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada unit Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM serta Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Selain itu, TM turut bekerjasama dengan komuniti dan penduduk setempat untuk memberikan maklumat kepada PDRM sekiranya melihat aktiviti mencurigakan yang dilakukan ke atas aset TM. Rondaan malam turut dilaksanakan oleh Polis Bantuan TM dan vendor yang dilantik oleh TM sebagai salah

satu langkah pencegahan kecurian kabel.

Selain daripada itu, antara langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak TM adalah pemasangan penutup kedua (second cover), pengedapan (sealing), lurang (manhole) konkrit dan pelbagai inisiatif lagi dalam usaha membanteras kejadian kecurian daripada berlaku.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

4. Adakah laluan Jalan Bagan Lalang, Butterworth selamat digunakan untuk orang ramai, termasuk kenderaan berat selepas kejadian mendapan tanah mula kelihatan lagi di lokasi berkenaan?
- (a) Apakah punca terjadinya lubang benam dan mendapan tanah di Jalan Bagan Lalang?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kejadian sama tidak berulang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Secara umumnya, Jalan Bagan Lalang adalah selamat digunakan oleh semua kenderaan termasuklah kenderaan berat.
- (a) Punca berlakunya lubang benam di Jalan Bagan Lalang adalah disebabkan kerosakan saluran paip kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) yang berada di bawah tanah. Setelah kerja-kerja saluran paip kumbahan tersebut selesai dilaksanakan, pihak IWK perlu melaksanakan semula kerja-kerja menimbus dan membina semula kawasan jalan yang terjejas. Mendapan yang berlaku adalah berkemungkinan disebabkan oleh *residual settlement* akibat pemadatan yang tidak sempurna. Sebagai makluman tambahan, mendapan tersebut telah dibaiki semula oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak IWK pada bulan Oktober yang lalu.

- (b) Bagi memastikan kejadian tersebut tidak berulang di masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) telah mengarahkan semua syarikat utiliti yang mempunyai paip atau kemudahan perkhidmatan bawah tanah di Jalan Bagan Lalang untuk membuat pemeriksaan integriti kemudahan utiliti masing-masing secara berkala dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (preventive maintenance).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

5. Berapakah jumlah aduan kerosakan jalan dan perparitan yang telah diselesaikan serta belum diselesaikan di sekitar KADUN Sungai Puyu sejak Januari hingga 31 Oktober 2024?
- (a) Apakah kekangan yang dihadapi untuk menyelesaikan aduan penutup parit konkrit di Persimpangan Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu yang berlarutan lama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Aduan kerosakan jalan dan perparitan yang telah diselesaikan serta belum diselesaikan di sekitar KADUN Sungai Puyu sejak bulan Januari sehingga Oktober 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI	BILANGAN ADUAN	ADUAN SELESAI	ADUAN BELUM SELESAI
Jalan rosak	53	53	0
Parit rosak	9	7	2
JUMLAH	62	60	2

- (a) Kekangan yang dihadapi untuk menyelesaikan aduan penutup parit konkrit di persimpangan Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu adalah terdapatnya paip-paip perkhidmatan milik kedai berhampiran yang perlu dialihkan sebelum kerja-kerja pembaikan dapat dilaksanakan. Selain itu, kerja kimpalan untuk penutup parit (*grating*) yang perlu dilaksanakan secara dalaman oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP). Oleh

yang demikian, kerja-kerja perbaikan dijangka siap selewat-lewatnya pada penghujung bulan November 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

6. Apakah perkembangan terkini proses penilaian pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Syarikat Konsesi LLB berhubung projek *triangle island* dan pelebaran jalan untuk belokan kiri dari arah Jalan Raja Uda ke interchange LLB arah Bagan Ajam?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengemukakan surat kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada bulan Ogos 2024 berhubung kajian cadangan projek *triangle island* dan pelebaran jalan untuk belokan kiri dari arah Jalan Raja Uda ke *interchange* Lingkaran Luar Butterworth (LLB) arah Bagan Ajam. Perkara ini masih di bawah penelitian dan penilaian pihak LLM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

7. Apakah status terkini berhubung rancangan bagi masa panjang Kerajaan Negeri untuk membina persimpangan bertingkat *Third Link* untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth (LLB)?
- (a) Adakah pembinaan laluan sehingga ke PLUS ini akan bersambung dengan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Perancangan dan pelaksanaan Persimpangan Bertingkat di LLB adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya.

Sehingga kini, pihak kementerian tiada perancangan untuk membina persimpangan bertingkat *Third Link* di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth (LLB).

Pembinaan laluan ke PLUS ini adalah bersambung dengan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

8. Berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf dan lain-lain prasarana di Pasar Awam Bagan Ajam?
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kebocoran bumbung yang masih berlaku di Pasar Awam Bagan Ajam walaupun sudah dibuat pembaikan sehingga menjejaskan ramai peniaga?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan prasarana-prasarana lain di Pasar Awam Bagan Ajam oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun 2024 adalah sebanyak RM285,000.00.
- (a) Kerajaan Negeri melalui MBSP mengambil perhatian yang serius berhubung masalah kebocoran bumbung yang masih berlaku di Pasar Awam Bagan Ajam. Justeru itu, bagi mengatasi masalah ini, pihak MBSP telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penggantian bumbung secara berperingkat dan telah disiapkan pada 22 Oktober 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

9. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau kualiti setiap projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang disediakan kepada rakyat Pulau Pinang melalui pelbagai syarikat perumahan bermula RM42,000.00 hingga RM300,000.00?
- (a) Nyatakan jumlah laporan dan jenis defect secara terperinci bagi setiap projek yang dikemukakan kepada pihak pemaju mengikut kategori RMM?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) amat menitikberatkan kualiti pembekalan Rumah Mampu Milik (RMM) daripada pelbagai jenis syarikat perumahan (pemaju) selaras dengan piawaian kualiti antarabangsa.

Antara piawaian kualiti antarabangsa yang dititikberatkan dalam pembinaan dan pembekalan RMM adalah seperti unit-unit RMM yang dibina hendaklah dibina dengan skor minimum *Quality Assessment System* (QLASSIC) sebanyak 70% daripada pihak Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). QLASSIC dalam pembinaan merupakan satu sistem atau kaedah yang digunapakai untuk menilai kualiti sesuatu kerja pembinaan bangunan berdasarkan Piawaian Industri Pembinaan (*Construction Industry Standard - CIS 7:2006*) dan sistem QLASSIC ini juga membolehkan kualiti antara projek-projek pembinaan dibandingkan melalui sistem pemarkahan. Pihak CIDB menggunakan kaedah skor QLASSIC ini bagi tujuan mengukur dan menilai kualiti hasil kerja pembinaan bangunan yang berasaskan kepada Standard Industri Pembinaan menerusi elemen standard yang

ditetapkan. Penilaian tersebut akan dilaksanakan oleh individu yang diberikan tauliah oleh pihak CIDB.

Kerajaan Negeri juga telah meletakkan syarat minimum skor QLASSIC iaitu 70% yang perlu diperolehi bagi semua projek RMM di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP Tahun 2021 - 2025 yang dilaksanakan di bawah LPNPP. Pelaksanaan syarat minimum skor QLASSIC ini juga merupakan salah satu inisiatif dalam Kempen Pemilikan Rumah/*Home Ownership Campaign* (HOC 3.0 Plus) Negeri Pulau Pinang dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 bagi memastikan kualiti sesuatu pemajuan tersebut tetap terjaga walaupun harga rumah dikurangkan.

Selain itu, bagi projek RMM yang telah mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan semua Pelan Teknikal adalah di bawah tanggungjawab dan seliaan individu profesional yang mengemukakan pelan tersebut. Semua kerja di tapak perlu diperakui mengikut skop dan kualiti yang telah ditetapkan sebelum Perakuan Penyiapan Kerja dan Pematuhan dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab. Semua perakuan tersebut yang melibatkan 21 perakuan (melalui Borang G1 hingga G21) akan dikumpulkan sebelum Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*) dapat dikeluarkan oleh pihak Perunding Arkitek selaku *Lead Consultant*. Pihak kontraktor juga perlu memastikan semua kerosakan (*defects*) diperbaiki semasa dalam Tempoh Tanggung Kecacatan (*Defects Liability Period - DLP*).

- (a) Pihak LPNPP tidak menerima sebarang laporan *defect* atau laporan penilaian kecacatan bangunan daripada pihak pemaju bagi RMM yang dibina. Walau bagaimanapun, laporan penilaian kecacatan bangunan RMM ini akan dikemukakan oleh pihak Perunding Arkitek selaku *Principal Submitting Person* (PSP) kepada pihak kontraktor dan pemaju semasa dalam tempoh pembinaan dan DLP untuk pelaksanaan kerja-kerja pembaikan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

10. Apakah status terkini projek menaik taraf loji rawatan kumbahan sedia ada dan sistem rangkaian paip pembedungan awam di Mak Mandin (SPI 228)?
- (a) Bilakah projek ini akan mula dilaksanakan?
 - (b) Adakah ia memberi kesan kepada pengguna semasa projek sedang dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Projek menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Mak Mandin (SPI228) dan pembinaan rangkaian paip pembedungan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) kini sedang berjalan di tapak.
- (a) Projek telah bermula pada 25 Jun 2024 dan dijangka siap pada 25 Jun 2029 (60 bulan).
 - (b) Kontraktor yang terlibat akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan sebarang kesulitan kepada pengguna sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

11. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi subsidi atau diskaun bayaran bil elektrik kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di Pulau Pinang yang dibiayai sendiri oleh pengurusan sekolah berbanding Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang dibayar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri sehingga kini tiada dasar subsidi atau diskaun bayaran bil elektrik disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan institusi pembelajaran seperti sekolah kerajaan atau swasta yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kerajaan dan biasanya diuruskan oleh Kementerian Pendidikan adalah layak mendapat diskaun 10% pada bil elektrik bulanan mereka iaitu dengan membuat permohonan kepada TNB untuk semakan dan sekiranya mematuhi kriteria, permohonan tersebut layak dipertimbangkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

12. Berapakah jumlah loji Indah Water Konsortium (IWK) yang terdapat di sekitar kawasan Parlimen Bagan mengikut pecahan kawasan DUN Sungai Puyu, Bagan Jermal dan Bagan Dalam?
- (a) Daripada jumlah tersebut, berapakah loji IWK yang masih digunakan dan tidak lagi digunakan?
- (b) Apakah cadangan pembangunan di tapak loji IWK yang tidak lagi digunakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jumlah keseluruhan Loji Rawatan Kumbahan (STP) dan Stesen Pam (NPS) yang aktif di bawah pengoperasian dan penyelenggaraan Indah Water Konsortium (IWK) di kawasan Parlimen Bagan adalah sebanyak 41 STP dan 10 NPS. Pecahannya mengikut DUN adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: BILANGAN STP DAN NPS MENGIKUT DUN

BIL	DUN	BILANGAN	
		STP	NPS
1.	Sungai Puyu	26	5
2.	Bagan Jermal	11	2
3.	Bagan Dalam	4	3
JUMLAH		41	10

- (a) Semua fasiliti milik IWK seperti di **JADUAL 1** yang berjumlah sebanyak 51 (STP dan NPS) adalah aktif dan sedang digunakan.

STP IWK yang telah dinyahtauliah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Setakat ini, terdapat dua puluh satu (21) STP yang telah dinyahtauliah di kawasan Parlimen Bagan.

- (b) IWK tidak mempunyai sebarang cadangan pembangunan di tapak yang telah dinyahtauliah. Sebarang cadangan untuk pembangunan di tapak tersebut perlu dirujuk kepada pihak JPP untuk mendapatkan kebenaran dan kelulusan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

13. Apakah hasil perbincangan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTG) dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) berhubung permohonan hak milik strata Perumahan Taman Mesra, Bagan Lalang selepas pemajunya digulungkan?
- (a) Siapakah yang bertanggungjawab dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan di perumahan berkenaan?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan pembangunan semula Rumah Mampu Milik (RMM) di kawasan tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Projek Perumahan Taman Mesra, Bagan Lalang adalah merupakan projek perumahan di bawah program penswastan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada **23** blok rumah kediaman berbilang tingkat kos rendah dengan **816** petak di atas tanah yang berkeluasan **7.36 ekar di Mukim 14, Daerah Seberang Perai Utara**. Permohonan hakmilik strata bagi skim perumahan tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh pihak pemaju melalui Jurukur Tanah Berlesen yang dilantik. Walau bagaimanapun, hakmilik strata masih belum didaftarkan dan dikeluarkan berikutan pemaju (Pembangunan Mesra Sdn. Bhd.) telah pun digulungkan pada **6 September 2018**.

Berdasarkan beberapa siri perbincangan bersama agensi-agensi berkaitan bagi pengeluaran hakmilik strata, proses pengeluaran hakmilik strata ini akan melibatkan proses yang rumit dan

memerlukan kos yang sangat tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau penduduk.

Perbincangan bersama antara Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI) telah diadakan pada **17 Mei 2024** dan pihak SSI telah bersetuju untuk meneruskan permohonan hakmilik strata bagi skim Taman Mesra.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk menyediakan kertas kerja bagi cadangan pelantikan arkitek dan jurukur serta penyediaan peruntukan.

- (a) Bagi skim perumahan berstrata, di bawah Seksyen 17(1), Akta Pengurusan Strata [Akta 757], JMB perlu ditubuhkan apabila mesyuarat pertama diadakan tidak lewat daripada **12 bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong** (*vacant possession*) kepada pembeli/pemilik petak. JMB bagi skim perumahan tersebut adalah badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala hal berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan perumahan berkenaan.
- (b) Kerajaan Negeri melalui LPNPP bercadang dan mempunyai perancangan untuk menjadikan Taman Mesra ini sebagai salah satu projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) yang akan dilaksanakan oleh LPNPP melalui Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021 - 2025 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), *Rolling Plan 5 (RP5)* Tahun 2025. Projek PSB Taman Mesra ini dilihat dapat mengoptimumkan penggunaan tanah di kawasan tersebut selain meningkatkan taraf hidup di kawasan persekitaran serta membekalkan lebih banyak unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang dapat membantu golongan B40 dan M40 khususnya untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

Pelaksanaan PSB Taman Mesra ini juga secara langsung dapat menyelesaikan masalah pengeluaran hakmilik strata yang dihadapi pada masa kini. Berikutan itu, LPNPP juga telah mengenal pasti tanah lapang (**Lot 1388 dan 2296**) sebagai tapak bagi pembangunan unit gantian sebelum blok-blok lain yang terlibat dibangunkan semula.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

14. Apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan ladang-ladang khinzir diuruskan mengikut piawaian yang ditetapkan untuk menjamin biokeselamatan dan keterjaminan makanan serta memelihara kelestarian alam sekitar?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan ladang khinzir berpusat bagi memudahkan pengurusan dan penguatkuasaan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JAS) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tetapi tiada peruntukan khusus bagi penternakan. Walau bagaimanapun, JAS turut membantu Kerajaan Negeri dengan menjalankan pemantauan kualiti air sungai di seluruh Negeri Pulau Pinang. Terdapat 58 stesen pengawasan (secara manual) di tujuh (7) lembangan sungai dan satu (1) stesen automatik di Negeri Pulau Pinang.

Bagi pengurusan sisa buangan najis khinzir, satu projek Loji Biogas yang dijalankan oleh Timeless Green Sdn. Bhd. telah diberikan kelulusan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) pada 22 Januari 2021 dan telah siap pembinaan. Loji tersebut kini sedang menjalankan kerja-kerja pengujian operasi.

Pada tahun 2024, sebanyak 117 buah ladang penternakan telah dilesenkan. Kesemua ladang ini telah dinaik taraf kepada Sistem Kandang Tertutup. Pemantauan berterusan dengan pemeriksaan

ladang babi dilaksanakan sepanjang tahun bagi memastikan kepatuhan kepada Enakmen dan Peraturan yang dikuatkuasakan.

Bagi ladang di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS), sisa babi tidak lagi dilepaskan ke aliran sungai sebaliknya dihantar ke fasiliti biogas yang telah beroperasi sejak bulan Mei 2024. Bagi ladang babi di Kampung Selamat, Seberang Perai Utara (SPU) pula, pengurusan sisa adalah melalui kolam kumbahan. Setiap ladang menggunakan mesin pengasingan pepejal dan perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) buah kolam kumbahan di dalam ladang. Air kolam kumbahan tersebut akan melalui proses aerobik dan anaerobik serta diletakkan *Effective Microbes* (EM) untuk tujuan rawatan.

Pemantauan dengan pengambilan bacaan *Biochemical Oxygen Demand* (BOD) juga dilakukan sebanyak tiga (3) kali setahun. Sekiranya bacaan BOD melebihi 50 ppm, tindakan kompaun dengan jumlah minima RM5,000.00 akan dikenakan ke atas penternak ladang tersebut.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPV) juga mengambil inisiatif untuk tujuan kawalan pencemaran di Kampung Selamat di mana sebanyak 4,440 liter EM telah dituang ke dalam saluran longkang sepanjang Tingkat Selamat dan Parit Cina pada bulan Ogos. Manakala 1,720 liter EM pula telah dituang pada bulan September dan 3,010 liter EM telah dituang pada bulan Oktober. Pada masa yang sama, 61 penternak babi telah dibekalkan dengan 6,100 liter EM pada bulan September untuk dituang ke dalam kolam kumbahan masing-masing. Langkah ini adalah sebagai usaha jangka masa pendek untuk mengawal bau yang dihasilkan oleh aktiviti penternakan babi di Kampung Selamat.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa cadangan projek rawatan air yang baru diterima bagi membantu menyelesaikan isu pencemaran yang disebabkan oleh penternakan babi di Kampung Selamat.

- (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan kawasan khas untuk penternakan babi berpusat. Walau bagaimanapun, kawasan penternakan babi di Kampung Selamat dan Kampung Valdor merupakan antara dua (2) daripada lima (5) kawasan pengeluaran babi utama di Malaysia. Kawasan penternakan ini perlu diwartakan sebagai zon pengeluaran

penternakan babi untuk memastikan jaminan pengeluaran daging babi berterusan kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan kepada negara amnya. Ini adalah sejajar dengan cadangan yang digariskan dalam Kajian Perancangan Guna Tanah Bagi Pengeluaran Makanan Negara (PEGUMN).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

15. Apakah perkembangan terkini berhubung rancangan pembinaan laluan alternatif projek terowong dasar laut yang menghubungkan Seberang Perai ke Pulau Pinang?
- (a) Bilakah projek ini dijangka mula dilaksanakan dan siap untuk kegunaan ramai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Status terkini Projek Terowong Dasar Laut ialah selesai Kajian Kebolehlaksanaan (FS) pada April 2023. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih dalam penelitian untuk mengambil kira pembesaran pelabuhan NBCT yang melibatkan jajaran projek tersebut memandangkan ianya melibatkan kepentingan ramai pihak khususnya pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

Perkara ini adalah kerana terdapat pertindihan jajaran terowong dengan cadangan pembesaran NBCT secara berfasa oleh pihak SPPP dan kajian Pelan Induk Pembesaran NBCT tersebut memerlukan pertimbangan Kerajaan Negeri selanjutnya bagi perancangan seterusnya.

- (a) Projek ini hanya akan dimulakan setelah perancangan jajaran diselesaikan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

16. Terdapat banyak pondok telefon awam yang rosak dan tidak berfungsi masih dibiarkan di sekitar kawasan Butterworth yang boleh menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk aedes. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi perkara ini?
- (a) Adakah kawasan pondok telefon awam yang lama ini akan dirobohkan dan dijadikan sebagai lot parkir tambahan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Pondok telefon awam di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bukan di bawah bidang kuasa MBSP. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, melalui Unit Kawalan Vektor di setiap Pejabat Kesihatan Daerah menjalankan pemantauan secara berterusan melalui aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) di semua lokaliti yang dilaporkan terdapat kes penyakit bawaan vektor. Hasil maklum balas ini akan digunakan bagi merangka tindakan lanjut melalui mesyuarat tindakan antara agensi sama ada di peringkat daerah atau negeri. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan juga akan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa selain pemantauan berdasarkan aduan yang diterima. Setakat ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang tidak mengesan sebarang pondok telefon yang rosak mempunyai pembiakan jentik-jentik semasa operasi dijalankan.
- (a) MBSP tidak akan merobohkan dan menjadikan kawasan pondok telefon awam sebagai lot parkir tambahan

memandangkan perkara ini bukan di bawah bidang kuasa MBSP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

17. Nyatakan apakah pelan rancangan tambakan laut di persisiran Pantai Bersih, Bagan Ajam sama ada dibuat secara pembentukan pulau atau bersambung dengan kawasan tanah besar.
- (a) Apakah cadangan susun atur pelan induk baharu yang telah dikemukakan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Pihak syarikat pemaju telah membentangkan cadangan susun atur Pelan Induk yang baharu kepada Kerajaan Negeri pada 13 November 2024 dan seterusnya perlu mengemukakan Pelan Induk yang baharu ini untuk perhatian dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada Pelan induk baharu yang diusulkan ini, kajian-kajian seperti *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) perlu dijalankan semula bagi mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC).

Penyediaan SIA dan EIA yang baharu ini juga perlu mengenal pasti tindakan mitigasi dan langkah-langkah dalam menangani isu sosial sama ada di peringkat perancangan, pembinaan dan operasi bagi projek tersebut.

Sebarang pelan pembangunan sama ada Pindaan Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang untuk pembangunan tanah ini akan dinilai secara menyeluruh berdasarkan kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa melibatkan semua pihak berkepentingan dan agensi/jabatan teknikal yang berkaitan. Ini adalah bagi memastikan

sebarang cadangan pemajuan tidak menyebabkan berlakunya masalah persekitaran yang tidak diingini termasuk kesan sosial dan ekonomi serta mematuhi piawaian dan garis panduan perancangan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

18. Apakah status terkini berhubung cadangan kerja-kerja pembaikan Surau Taman Sentral, Butterworth dalam usaha memastikan semua surau dan masjid di Negeri Pulau Pinang sentiasa dalam keadaan baik dan memberi keselesaan kepada jemaah untuk beribadat?
- (a) Nyatakan kos, skop kerja yang terlibat dan bilakah kerja-kerja pembaikan akan mula dilaksanakan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah selesai melaksanakan kerja-kerja pembaikan di Surau Taman Sentral, Butterworth.
- (a) Kerja-kerja pembaikan di surau tersebut melibatkan kos pembaikan sebanyak RM74,026.50 dan telah siap dilaksanakan pada 10 Oktober 2024. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:
- (i) Memasang pagar keselamatan;
 - (ii) Membina lantai simen di kawasan surau;
 - (iii) Memasang *awning* dan *gutter*;
 - (iv) Membaik pulih kebocoran bumbung; dan
 - (v) Menaik taraf siling.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

19. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan pengairan sungai khususnya di Sungai Tok Sani dan sekitarnya supaya tidak tercemar dengan lambakan sampah yang boleh menyebabkan kejadian banjir kilat dan menjejaskan penduduk sekitar?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri menerusi agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang amat komited untuk memastikan kawasan sungai di Pulau Pinang termasuk Sungai Tok Sani tidak dicemari oleh mana-mana sisa sehingga menyebabkan berlakunya banjir.

JPS telah bertindak dengan memasang palang penghadang (*barrier post*) bagi menghalang lori masuk ke kawasan rizab sungai untuk membuang sampah secara haram. Manakala bagi sampah-sampah yang telah berada dalam sistem saliran, kerja-kerja penyelenggaraan berkala dilaksanakan untuk memastikan aliran air tidak terhalang yang membolehkan berlakunya banjir.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

20. Apakah status Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang mencadangkan laluan alternatif ke kawasan perindustrian yang akan melalui Jalan Kampung Tok Sani ke Jalan Bagan Lalang?
- (a) Adakah jalan yang menghubungkan Kampung Tok Sani dan Taman Sri Pinang juga akan diturap semula selepas rosak teruk akibat sering dilalui kenderaan berat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP), Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang telah diluluskan dan disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2024 pada 29 Mac 2024 yang lalu telah mengesyorkan pelebaran jalan sepanjang 100 kaki di kawasan yang disyorkan sebagai zon industri berdekatan Jalan Kampung Tok Sani dan penyediaan jalan sepanjang 100 kaki di sepanjang Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Jalan yang menghubungkan Kampung Tok Sani dan Taman Sri Pinang adalah di bawah tanggungjawab penyelenggaraan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU).

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak PDT SPU, jalan yang menghubungkan Kampung Tok Sani dan Taman Sri Pinang tidak diturap semula memandangkan jalan tersebut sering dilalui kenderaan berat. Selain itu, spesifikasi jenis turapan yang digunakan oleh PDT SPU hanya sesuai untuk kegunaan jalan kampung dan tidak mampu menampung beban kenderaan berat

yang menggunakan jalan tersebut sebagai laluan alternatif ke kawasan perindustrian berdekatan.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan mesyuarat bersama 40 orang pengusaha-pengusaha kilang di sekitar kawasan tersebut pada 4 Oktober 2024 bagi membincangkan solusi terbaik untuk isu jalan tersebut.

Hasil daripada perbincangan tersebut, mesyuarat telah bersetuju supaya pembaikan jalan dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak pengilang-pengilang melalui kaedah kos perkongsian secara sama rata.

Berdasarkan semakan status terkini, pihak pengilang sedang dalam proses mendapatkan sebut harga bagi kerja-kerja pembaikan jalan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

21. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina laluan alternatif atau jalan pintasan baharu dari Sama Gagah ke Kawasan Perindustrian Sungai Lokan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Bagan Lalang dan Sungai Dua?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Buat masa ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai perancangan untuk membina laluan alternatif atau jalan pintasan baharu dari Sama Gagah ke Kawasan Perindustrian Sungai Lokan. Ini berikutan berdasarkan kepada draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (RTSP 2030), guna tanah bagi kawasan Sama Gagah adalah jelapang padi dan pertanian. Justeru, tidak terdapat keperluan untuk membina laluan alternatif tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

22. Kejadian ribut pada baru-baru ini telah menyebabkan banyak pokok tumbang sehingga mengenai rumah dan kenderaan orang awam di sekitar DUN Sungai Puyu. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan program penanaman semula dengan menggantikan pokok-pokok berusia lama kepada tanaman baru?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mengambil maklum kejadian ribut baru-baru ini telah menyebabkan banyak pokok tumbang sehingga melibatkan kerosakan rumah dan kenderaan awam. Pemantauan dan penyelenggaraan pokok-pokok yang berusia lama serta berisiko telah dilaksanakan secara dalaman oleh MBSP dan kontraktor MARRIS yang dilantik pada bulan September 2024.

Pada ketika ini, pihak MBSP sedang giat melaksanakan projek penanaman semula pokok-pokok teduhan yang telah bermula pada bulan Ogos 2024 dan penanaman semula pokok-pokok teduhan di sekitar DUN Sungai Puyu dijangka dilaksanakan pada minggu keempat bulan Disember.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

23. Apakah status terkini berhubung cadangan penyediaan sebidang tanah untuk pembangunan tanah perkuburan Islam bagi kawasan Kariah Masjid Mak Mandin, Butterworth?
- (a) Nyatakan lokasi dan keluasan tanah yang terlibat.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Status lot tanah yang dicadangkan untuk pembangunan tanah perkuburan Islam bagi kawasan Kariah Masjid Mak Mandin, Butterworth iaitu PT 637, HS(D) 45564, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) ini telah didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
- (a) Tanah lot ini terletak bersebelahan Rumah Pangsa Ampang Jajar yang berkeluasan 1.9194 hektar/4.74 ekar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

24. Adakah pelantikan jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Pulau Pinang yang terdiri daripada keanggotaan parti-parti Kerajaan Perpaduan akan menyebabkan pertembungan kawasan pentadbiran dan kekeliruan dalam kalangan rakyat?
- (a) Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam ketetapan untuk mengiktiraf peranan MPKK atau JPKK bagi tujuan pengesahan sebarang dokumentasi oleh penduduk setempat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Pelantikan Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Pulau Pinang yang terdiri daripada keanggotaan parti-parti Kerajaan Perpaduan tidak menyebabkan kekeliruan dalam kalangan rakyat. Malah rakyat di kawasan tersebut mendapat keistimewaan di mana permohonan peruntukan dan program pembangunan kawasan boleh dimohon secara langsung dengan pihak MPKK (peruntukan Kerajaan Negeri) dan pihak JPKK (peruntukan Kerajaan Persekutuan).
- (a) Berhubung dengan pengiktirafan pengesahan dokumentasi oleh pihak MPKK atau JPKK, Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh pihak MPKK terutama semasa berlaku bencana. Namun, setakat ini tiada dokumentasi secara langsung perlu ditandatangani oleh pihak MPKK atau JPKK. Maklumat dan data yang dikemukakan oleh pihak MPKK atau

JPKK perlu disahkan oleh Penghulu Kawasan atau pegawai-pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah bagi apa-apa urusan berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

25. Adakah Kerajaan Negeri sedia membenarkan kerja-kerja penurapan semula jalan di Kampung Paya Terbakar, Butterworth yang terletak di atas Lot 902 dan 903, Mukim 9, Daerah Seberang Perai Utara (SPU)? Terdapat sebanyak 190 rumah kediaman dan empat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di atas tanah iaitu milik Kerajaan Persekutuan bagi kegunaan Kementerian Pertahanan (MINDEF).

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil cakna bagi sebarang isu berhubung kemudahan asas yang berlaku di Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) telah mengenal pasti dan melaksanakan pemetaan 15 batang jalan kampung sepanjang 2.187 kilometer di Kampung Paya Terbakar, Butterworth dan telah pun didaftarkan di dalam rekod daftar jalan *Malaysia Road Record Information System (MARRIS)*.

Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pelaksanaan kerja-kerja penurapan semula jalan di kampung tersebut menggunakan peruntukan MARRIS dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak tuan tanah iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan serta Kementerian Pertahanan (MINDEF) selaku agensi pengguna.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

26. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja-kerja pengindahan serta pengecatan semula rumah-rumah pangsa kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) khususnya di kawasan DUN Sungai Puyu seperti di Taman Segemal dan Taman Pandan, Butterworth?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang atau dikenali sebagai TPM80PP pada tahun 2013 untuk membantu membiayai kos penyelenggaraan di rumah-rumah pangsa kos rendah (LC) dan sederhana rendah (LMC) swasta. Inisiatif ini merangkumi kerja-kerja pembaikan atau menaik taraf lif, tangki air, bumbung dan kerja-kerja pengecatan.

Selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], penyelenggaraan di skim perumahan strata adalah di bawah tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* – JMB) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation* – MC). Namun, Kerajaan Negeri cakna akan kekangan kewangan yang dihadapi oleh pihak JMB atau MC dalam menyelenggara skim perumahan tersebut.

Sejak dari tahun 2013 sehingga 31 Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 28 permohonan melibatkan kerja-kerja pengecatan dengan jumlah kos sebanyak RM8,181,250.00. Berdasarkan semakan senarai permohonan sehingga 31 Oktober 2024, tiada sebarang permohonan pengecatan yang dikemukakan

oleh mana-mana JMB atau MC di DUN Sungai Puyu. Justeru, sekiranya terdapat mana-mana skim perumahan LC dan LMC yang ingin memohon kerja-kerja pengecatan, pihak JMB atau MC digalakkan untuk memohon bantuan di bawah skim TPM80PP secara dalam talian di portal Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

27. Adakah Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan untuk pemberian diskaun atau suatu kadar yang lebih murah bagi bayaran bil elektrik, air, cukai pintu dan cukai tanah kepada masjid, surau serta rumah-rumah ibadat selain Islam di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Berdasarkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), organisasi seperti rumah ibadat adalah layak mendapat diskaun 10% pada bil bulanan. Tempat ibadat yang layak adalah tempat ibadat yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan dan/atau badan pentadbir agama masing-masing seperti Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri/Wilayah Persekutuan/Pertubuhan Penganut Budha Malaysia, Pertubuhan Penganut Hindu Sangam Malaysia, Sikh Naujawan Sabha, Pergerakan Pemuda Sikh, Buku Panduan Katholik dan Buku Panduan Gereja Malaysia dan Brunei. Formula bagi diskaun TNB adalah $10\% \times (\text{Caj penggunaan} + \text{Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)})$.

Bagi tarif air untuk rumah ibadat, pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyatakan bahawa tiada cadangan rebat tambahan seperti mana tetapan gazet Persekutuan kerana tarif air untuk Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan merupakan kategori tarif air terendah berbanding tarif air lain-lain kategori. Tarif air untuk Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan telah dikelas semula dari tarif domestik kepada tarif khas pada 2023. Kadar tarif baru selepas pengelasan (kadar rata RM0.67/cum) adalah lebih rendah daripada tarif domestik.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk memberi pengecualian kadar cukai pintu bagi pegangan yang digunakan sebagai tempat awam untuk sembahyang iaitu masjid, surau, rumah ibadat selain Islam.

Manakala bagi cukai tanah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang Bilangan 11/2020 telah menetapkan bahawa masjid, surau, semua rumah ibadat yang berdaftar, pertubuhan-pertubuhan agama atau kebajikan, tanah perkuburan awam dan lain-lain institusi yang tidak berasaskan keuntungan boleh memohon pengurangan cukai tanah kepada Pengarah Tanah dan Galian dan amalan sedia ada oleh PTG ialah memberi kadar cukai tanah yang nominal iaitu RM10.00. Bagi cukai petak pula, Arahan PTG Bilangan 3/2020 menasihatkan Pentadbir Tanah untuk memberikan perimitan cukai nominal RM1.00 untuk hakmilik bagi petak/petak tanah/blok sementara bagi kriteria seperti berikut:

- (a) Hakmilik Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI); dan
- (b) Hakmilik strata bagi kemudahan masyarakat di bangunan strata:
 - (i) Surau dan lain-lain yang diselenggara oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP); dan
 - (ii) Dewan, astaka, tadika, klinik, tapak penjaja dan lain-lain yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Awam.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang membuat semakan cukai tanah bagi Negeri Pulau Pinang dan cadangan agar kadar cukai tanah yang nominal ditetapkan bagi rumah-rumah ibadat akan dipertimbangkan untuk diwartakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

28. Adakah Kerajaan Negeri sedia mengadakan kajian lalu lintas supaya Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah dapat melintasi Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di kawasan berkenaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk melaksanakan kajian lalu lintas di Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengemukakan surat kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada bulan Ogos 2024 berkenaan cadangan ADUN kawasan untuk kajian pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah dengan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di kawasan berkenaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

29. Adakah loji Indah Water Konsortium (IWK) yang usang dan tidak aktif di Taman Dedap, Butterworth boleh dirobohkan bagi tujuan pembesaran jalan dan penambahan lot parkir untuk kegunaan penduduk setempat?
- (a) Adakah loji-loji IWK yang tidak aktif dibenarkan pembangunan semula oleh Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen dan ADUN Kawasan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Loji Rawatan Kumbahan (STP) di Taman Dedap, Butterworth telah dinyahtauliah dan ditamatkan operasinya serta tidak lagi di bawah seliaan Indah Water Konsortium (IWK).
- (a) Tapak STP yang telah dinyahtauliah adalah di bawah pengurusan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Sebarang permohonan pembangunan di tanah STP tersebut perlu dirujuk kepada pihak JPP bagi mendapatkan kebenaran dan kelulusan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

30. Senaraikan penerima bantuan eKasih di kawasan Parlimen Bagan mengikut pecahan kawasan DUN Sungai Puyu, Bagan Dalam dan Bagan Jermal.
- (a) Apakah kriteria dan syarat-syarat kelayakan permohonan eKasih?
 - (b) Mengapakah individu berpendapatan tinggi dikesan layak menerima eKasih?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Sistem eKasih merupakan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang menjadi rujukan tunggal dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) merupakan pemilik kompetensi kepada sistem tersebut. ICU, JPM bukanlah Agensi pemberi bantuan, sebaliknya hanya bertindak sebagai agensi yang membekalkan data kemiskinan kepada Jabatan/ Agensi pemberi bantuan. Jabatan/ Agensi bantuan yang menyalurkan bantuan adalah bertanggungjawab untuk memasukkan perincian bantuan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) ke dalam sistem eKasih bagi tujuan rekod. Justeru, tiada sebarang senarai bantuan eKasih yang direkodkan.
- (a) Kriteria dan syarat-syarat kelayakan permohonan eKasih adalah seperti berikut:

Syarat-syarat kelayakan Pendaftaran eKasih:

- (i) Golongan yang berpendapatan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;
- (ii) Warganegara; dan
- (iii) Golongan yang tidak berada dalam kawasan perkampungan Orang Asli, kawasan FELDA dan kawasan estet/ ladang yang mempunyai pentadbiran sendiri.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi sesuatu isi rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih berkuatkuasa 31 Januari 2024.

Secara umumnya, terdapat lima (5) punca yang boleh dikategorikan sebagai pendapatan isi rumah iaitu pendapatan daripada:

- Pekerjaan bergaji;
- Bekerja sendiri;
- Pendapatan daripada Harta dan Pelaburan;
- Pindahan semasa diterima; dan
- Kiriman keluarga.

Isi rumah boleh mempunyai lebih daripada seorang penerima pendapatan dan pendapatan yang diterima boleh diperoleh daripada pelbagai punca. Pendapatan per kapita ialah jumlah pendapatan kesemua ahli isi rumah sebulan.

- (b) eKasih merupakan Pangkalan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengambil kira pendapatan keseluruhan isi rumah dan tidak tertumpu kepada individu semata-mata. Oleh itu, golongan B40 malah T20 adalah layak untuk memohon eKasih berdasarkan keperluan sesuatu polisi/ dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Maklumat pendapatan Isi Rumah selepas bancian di lapangan akan dimasukkan ke dalam sistem eKasih dan sistem secara

automatik akan meletakkan maklumat KIR berkenaan sama ada berada dalam kategori Miskin atau Miskin Tegar mahupun Terkeluar.

Sebagai tambahan, terdapat syarat yang diletakkan pendaftaran eKasih sebagai syarat asas permohonan seperti Program iSuri di bawah pelaksanaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan juga bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di bawah organisasi NGO MyKasih Foundation. Justeru, terdapat juga nama individu berpendapatan tinggi yang didaftarkan dalam sistem eKasih. Walau bagaimanapun, status kemiskinan individu ini adalah berstatus Terkeluar dan secara dasarnya pemberian bantuan atau agihan manfaat adalah tertakluk kepada polisi/garis panduan daripada Jabatan/Agensi berkenaan. ICU JPM sama sekali tidak terlibat dengan agihan bantuan berkenaan, sebaliknya hanya bertindak menyediakan data untuk Jabatan/Agensi berkaitan membuat tapisan berdasarkan polisi/ dasar mahupun garis panduan Jabatan/ Agensi pemberi bantuan tersebut.